

BAHAGIAN A

(20 MARKAH)

Jawab semua soalan

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **30 minit**.

1. Berikut adalah rasul-rasul yang mendapat gelaran Ulul-Azmi kecuali _____
 - A Nabi Isa a.s.
 - B Nabi Idris a.s.
 - C Nabi Ibrahim a.s.
 - D Nabi Muhammad SAW.

2. Pilih proses yang betul tentang kejadian manusia menurut Islam _____ .
 - A Nutfah – Alaqah – Mudghah – Tulang Berbalut Daging – Bayi.
 - B Nutfah – Mudghah – Alaqah – Tulang Berbalut Daging – Bayi.
 - C Nutfah – Mudghah – Tulang Berbalut Daging – Alaqah – Bayi.
 - D Nutfah – Alaqah – Tulang Berbalut Daging – Mudghah – Bayi.

3. Berikut adalah ciri-ciri wahyu kecuali _____ .
 - A Diturunkan kepada nabi dan rasul.
 - B Menceritakan perkara-perkara ghaib dan sam'iyat.
 - C Kalam Allah SWT yang mengandungi hukum syarak.
 - D Kandungannya berubah-ubah mengikut masa dan keadaan.

4. Tujuan Allah SWT mencipta manusia di muka bumi adalah _____ .
 - A Beribadat kepada Allah SWT.
 - B Bersyukur kepada Allah SWT.
 - C Menikmati keindahan alam ciptaan Allah SWT.
 - D Menjalinkan hubungan baik dengan sesama manusia.

5. Berikut adalah punca-punca pencerobohan harta kecuali _____ .
 - A Terpengaruh dengan kemewahan dunia.
 - B Wujud perasaan tamak dan ingin cepat kaya.
 - C Mengelakkan berlaku pembaziran dan kerugian.
 - D Tidak mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan.

6 Antara berikut, yang manakah contoh-contoh perbuatan yang melanggar hak asasi manusia?

- I Mengganggu ketenteraman awam.
- II Membunuh dan mencederakan seseorang.
- III Melakukan penderaan terhadap kanak-kanak.
- IV Mengekalkan keamanan dan kesejahteraan manusia.

- A I, II dan III.
- B I, II dan IV.
- C I, III dan IV.
- D II, III dan IV..

7 Piagam Madinah secara umumnya menyentuh aspek-aspek berikut _____.

- I Pilihanraya Umum.
- II Kepimpinan negara.
- III Hak Asasi Manusia.
- IV Pengiktirafan identiti kaum.

- A I, II dan III.
- B I, II dan IV.
- C I, III dan IV.
- D II, III dan IV.

8 Antara berikut, yang manakah implikasi pengabaian terhadap tanggungjawab sosial?

- I Perpaduan dan keharmonian hidup akan terjejas.
- II Berlaku perbalahan dan perpecahan dalam keluarga.
- III Berlaku penyelewengan amanah dan tanggungjawab.
- IV Sumber alam dapat digunakan dengan sebaik-baiknya.

- A I, II dan III.
- B I, II dan IV.
- C I, II dan IV.
- D II, III dan IV.

- 9

Zainuddin seorang usahawan yang berjaya namun sering mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang muslim. Beliau beranggapan urusan dunia tidak boleh dicampuradukkan dengan agama.

Individu di atas memegang fahaman _____ .

- A Atheisme.
- B Sosialisme.
- C Sekularisme.
- D Materialisme.

- 10

<ul style="list-style-type: none">❖ Membuat perancangan yang rapi.❖ Berdisiplin dan menepati sasaran kerja.❖ Menilai hasil dan memperbaiki kelemahan.

Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A Etika Kerja dalam Islam.
- B Budaya Kerja dalam Islam.
- C Kelebihan Bekerja kerana Allah.
- D Langkah Meningkatkan Kualiti Kerja.

- 11 Tujuan Allah SWT mencipta manusia di muka bumi adalah _____.

- A Beribadat kepada Allah SWT.
- B Bersyukur kepada Allah SWT.
- C Menjadi khalifah di muka bumi.
- D Menjalinakan hubungan baik sesama manusia.

- 12 Pernyataan manakah yang menunjukkan kebaikan fatwa dalam perundangan Islam?

- I Melahirkan umat Islam yang berdisiplin dan harmoni.
- II Menjadikan umat Islam taat dan patuh kepada ajaran agama.
- III Menyelesaikan masalah yang timbul dalam masyarakat dengan cepat.
- IV Melahirkan umat Islam yang sentiasa berfikir dalam mencari kebenaran.

- A I, II dan III.
- B I, II dan IV.
- C I, III dan IV.
- D II, III dan IV.

- 13 Berikut adalah cara-cara untuk mencapai matlamat perundangan Islam kecuali _____.
- A Mengamalkan cara hidup Islam.
 - B Bertindak mengikut ajaran Islam.
 - C Berpegang teguh dengan syariat Allah SWT.
 - D Melakukan sesuatu mengikut kepentingan diri.
- 14 Berikut adalah cara menggalakkan umat Islam melakukan amalan sunat kecuali _____.
- A Menyeru umat Islam melakukan amalan kebajikan.
 - B Mengajak umat Islam melakukan kebaikan dan kemungkaran.
 - C Menerangkan bahawa amalan sunat dapat menghapuskan dosa kecil.
 - D Menjelaskan bahawa amalan sunat dapat mendekatkan diri kepada Allah.
- 15 Perpecahan ummah dalam sesebuah negara boleh diatasi dengan cara _____.
- A Membangunkan ekonomi negara.
 - B Menunaikan semua permintaan rakyat.
 - C Mengadakan majlis sukan dan kebudayaan.
 - D Melaksanakan keadilan kepada semua rakyat.
- 16 Berikut adalah tujuan ibadat menurut Islam kecuali _____.
- A Menyempurnakan perintah Allah SWT.
 - B Mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.
 - C Menjamin hidup manusia sentiasa senang dan selesa.
 - D Mendidik manusia supaya tidak terlalu mencintai harta.
- 17 Kesan-kesan daripada syariat yang dilakukan tanpa berdasarkan niat beribadat kepada Allah SWT ialah _____ .
- I Dilaknat oleh Allah SWT.
 - II Merosakkan syariat Islam.
 - III Hidup dalam kemunduran.
 - IV Menimbulkan huru hara dan salah faham.
- A I, II dan III.
 - B I, II dan IV.
 - C I, III dan IV.
 - D II, III dan IV.

18 Antara syarat-syarat taubat ialah _____ .

- I Taubat dengan hati yang ikhlas.
- II Menyesali segala dosa yang dilakukan.
- III Mengulangi dosa dan kesilapan yang lalu.
- IV Meminta maaf jika melakukan kesalahan kepada manusia.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

19 Perkara-perkara yang boleh merosakkan ibadat seseorang ialah _____ .

- I Riak.
- II Takbur.
- III Sum'ah.
- IV Istiqamah.

- A I, II dan III.
- B I, II dan IV.
- C I, III dan IV.
- D II, III dan IV.

20 Kelebihan penyelesaian masalah secara Islam adalah _____ .

- I Mengukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.
- II Mewujudkan persefahaman dan perpaduan ummah.
- III Mencetuskan semangat juang dan daya saing.
- IV Memuaskan hati semua pihak.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV.
- C I, III dan IV.
- D II, III dan IV.

BAHAGIAN B

(20 markah)
Jawab semua soalan

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **45 minit**.

Tuliskan istilah yang betul bagi pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan

		Untuk Kegunaan Pemeriksa	
21	Menggunakan kemahiran dan kepakaran untuk memperolehi keuntungan secara salah	<input type="text"/>	1
22	Penguasaan sepenuhnya terhadap sesuatu barangan dalam pasaran	<input type="text"/>	1
23	Pertambahan yang berlaku pada sesuatu hutang dengan sebab tertangguh bayaran.	<input type="text"/>	1
24	Memberikan sesuatu barangan bernilai kepada seseorang untuk mendapatkan sesuatu faedah	<input type="text"/>	1
			4

Lengkapkan pernyataan berikut.

		Untuk Kegunaan Pemeriksa	
25	_____ bermaksud Ilmu Allah SWT yang hakiki,qadim,kekal dan mutlak.	<input type="text"/>	1
26	Fahaman yang menolak hadis sebagai sumber hukum dalam Islam dikenali sebagai _____	<input type="text"/>	1
27	_____ adalah fahaman yang memisahkan urusan agama daripada urusan kehidupan dunia.	<input type="text"/>	1
28	Suatu usaha secara bersungguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan hukum syarak berdasarkan Al-Quran dan Al-Hadis disebut _____	<input type="text"/>	1
			4

Untuk Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.
 kegunaan Tandakan (✕) pada pernyataan yang SALAH.
 Pemeriksa

	1	29	Rakyat Negara Islam terdiri daripada zimmi dan harbi	<input type="text"/>
	1	30	Hukum Fikah menjadi sumber rujukan Mahkamah Syariah dalam pengadilan.	<input type="text"/>
	1	31	Manusia memerlukan akal, pengalaman dan wahyu dalam memahami hakikat kehidupan.	<input type="text"/>
	1	32	Harta yang diperolehi mestilah dikembangkan dengan cara yang dibenarkan oleh syarak	<input type="text"/>

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.


X	Tanggungjawab rakyat	Y	Hak rakyat
---	----------------------	---	------------

Untuk kegunaan Pemeriksa

	Pernyataan	Jawapan
<input type="text"/>	33 Menghormati kebebasan beragama dalam sesebuah negara.	
<input type="text"/>	34 Menumpukan usaha untuk memaju dan membangunkan negara.	
<input type="text"/>	35 Berusaha memaju dan memperbaiki taraf hidup masing-masing.	
<input type="text"/>	36 Mendapat peluang pendidikan yang sama tanpa mengira keturunan dan agama.	

Soalan 37 – 40 adalah berdasarkan carta di bawah.

Carta di bawah menunjukkan peraturan keterangan dalam perbicaraan.



37 P ialah : _____

38 Q ialah : _____

39 Di antara syarat P ialah : _____

40 Di antara syarat pengakuan ialah : _____

KERTAS SOALAN TAMAT